

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 6: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

UNIT 17: MESRA TEKNOLOGI

SP: 1.3.1 Mendengar, memahami & memberikan respons terhadap arahan berdasarkan ayat perintah mengikut intonsi dengan betul.

Tajuk: Rakaman dari Udara

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 127. Jawab soalan di bawah untuk menyusun maklumat mengikut perenggan yang betul berdasarkan soalan bagi menyambung cerita tersebut.

Wah, canggihnya alat itu!

Ini ialah dron. Dron ini dikawal dengan alat kawalan jauh untuk merakamkan gambar dari udara.

Apakah fungsi lain dron, tuan?

Kini, dron digunakan dalam pelbagai bidang. Namun begitu, pengendalinya harus mematuhi peraturan yang ditetapkan.

menerbangkan dron

pengeposan barang

bantuan kesihatan

pertanian

keselamatan

Cikgu Hafiz telah mengundang pegawai pertanian ke sekolah. Beliau akan mendemonstrasikan alat teknologi terkini kepada murid-murid. Mereka _____.

Nama:

Tarikh:

Perenggan	Soalan
1	Apakah yang dilihat murid-murid?
2	Apakah yang dilakukan oleh pegawai pertanian? Fungsi alat tersebut?
3	Bagaimanakah alat tersebut digunakan dalam bidang pertanian dan keselamatan?
4	Apakah yang perlu diutamakan apabila menggunakan alat tersebut?

Dron ini dikawal dengan alat kawalan jauh untuk merakamkan gambar dari udara.

Alat tersebut dikenali dengan nama dron.

Pegawai pertanian tersebut telah membuat demonstrasi menerbangkan dron.

Mereka berpeluang melihat sebuah alat yang canggih.

Antaranya, pengeposan barang dan bantuan kesihatan.

Dalam bidang keselamatan pula, dron digunakan oleh pihak polis bagi memantau aliran trafik dan mengesan penjenayah. .

Walaupun kini dron digunakan dengan meluasnya, namun pengendalinya harus mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Kini, dron digunakan dalam pelbagai bidang.

Selain itu, dron juga digunakan dalam bidang pertanian. Dalam bidang tersebut, dron digunakan untuk menyembur racun dan membaja.